

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Tiga isu utama beri kesan negatif ekonomi

Tiga isu utama beri kesan negatif ekonomi

Inflasi, kenaikan kos sara hidup, perniagaan jejas prospek

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Tiga isu utama, yang mana antara lain dijangka memberi kesan negatif kepada ekonomi negara pada tahun ini, demikian mengikut Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

Susulan itu, dewan perniagaan berkenaan meletakkan keyakinan dalam berhati-hati berhubung prospek perniagaan sepanjang tahun ini.

Presidennya, Tan Sri Low Kian Chuan, berkata jangkaan perniagaan pada 2023 itu bersandarkan beberapa isu, antara lain membabitkan inflasi, kenaikan kos hidup, dan peningkatan kos perniagaan termasuk harga bahan mentah di peringkat domestik serta global yang tinggi.

Beliau berkata, secara umumnya, ekonomi Malaysia mungkin memperlukan pertumbuhan lebih lemah tahun ini, disebabkan eksport lebih perlahan dan normalisasi perbelanjaan pengguna bagi mengatasi tekanan kos hidup.

Namun, katanya, ia dilihat bakal diimbangi oleh pembukaan semula



Prospek perniagaan tahun ini diletakkan dalam keadaan berhati-hati bersandarkan beberapa isu membabitkan inflasi, kenaikan kos hidup, dan peningkatan kos perniagaan.

(Foto hiasan)

sepadan China yang mana akan menyokong industri pelancongan dan perkhidmatan berkaitan domestik.

"Jangkaan kenaikan kadar faedah secara berperingkat dan ketidakpastian luaran menyaksikan prospek perniagaan tahun ini diletakkan dalam mod optimis tetapi berhati-hati," katanya kepada media selepas melancarkan Kaji Selidik Perniagaan dan Ekonomi Malaysia (M-BECS) bagi Separuh Kedua 2022 dan Unjuran Separuh Pertama 2023.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden ACCCIM, Datuk Ng Yih Pyng dan Setiausaha Agung ACCCIM, Datuk Tan Tian Meng.

Menurut M-BECS, ekonomi ne-

gara meneruskan pemulihan pada separuh kedua tahun lalu tetapi mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan pada suku keempat, sementara pemulihan perniagaan yang tidak sekata.

Menurut kajian itu, pertumbuhan eksport Malaysia mulai perlahan dengan ketara dalam tempoh beberapa bulan lalu ekoran permintaan global yang melemah.

Pulih separuh kedua 2023

Kajian itu mendedahkan 60.9 peratus responden memiliki pandangan neutral terhadap persekitaran ekonomi pada separuh kedua tahun lalu, manakala kira-kira 25 peratus daripadanya melihat keadaan eko-

nomi yang lebih buruk.

Kian Chuan berkata, di tengah-tengah kebimbangan mengenai prospek ekonomi global dan domestik yang lebih lemah tahun ini, peratusan responden lebih tinggi (28.7 peratus) menjangkakan ekonomi akan beransur-ansur pulih pada separuh kedua 2023 berbanding 19.1 peratus pada separuh pertama tahun ini.

"Sejumlah 24.7 peratus dan 20.5 peratus responden, menjangkakan persekitaran perniagaan lebih buruk masing-masing pada separuh kedua 2022 dan separuh pertama 2023," katanya.

Dari aspek komuniti perniagaan, M-BECS mendedahkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus berdepan dengan tekanan kos perniagaan disebabkan kenaikan harga bahan mentah, kenaikan kos operasi dan masalah aliran tunai di tengah-tengah isu kekurangan pekerja.

Menurut kajian itu, pelaksanaan Akta Pekerjaan (Pindaan) dan tarif elektrik yang lebih tinggi untuk pengguna voltan sederhana serta tinggi menambah kos pengeluaran dan pekerjaan yang signifikan kepada kebanyakan perniagaan.

"ACCCIM berharap kerajaan mempertimbangkan sokong kewangan untuk mengurangkan kesan kos pekerjaan yang lebih tinggi.

"Selain itu, kajian semula terhadap kenaikan tarif elektrik dilihat perlu dan ia dapat membantu perniagaan menghadapi tekanan kos yang semakin meningkat dan ekonomi yang perlahan," katanya.